



## KENYATAAN MEDIA

### JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

**25 MAC 2026**

---

#### PERMULAAN FASA PERALIHAN MONSUN

---

Fasa Peralihan Monsun dijangka bermula pada **29 Mac 2026** dan berterusan sehingga Mei 2026. Permulaan fasa ini menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut 2025/2026 yang telah bermula sejak 13 November 2025.

Semasa fasa Peralihan Monsun, rantau negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah. Keadaan ini boleh menggalakkan pembentukan awan ribut petir yang lazimnya membawa kepada kejadian hujan lebat berserta angin kencang dalam tempoh masa yang singkat, terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di barat dan pedalaman Semenanjung serta barat Sabah dan Sarawak. Fenomena cuaca ini berpotensi menyebabkan banjir kilat, pokok tumbang serta kerosakan pada struktur yang tidak kukuh.

Orang ramai dinasihatkan untuk lebih berwaspada ketika tempoh ini dan sentiasa peka dengan ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia melalui laman web rasmi, aplikasi mobil myCuaca dan media sosial rasmi Jabatan. Orang ramai juga boleh menghubungi Hotline Jabatan 1-300-22-1638 bagi sebarang pertanyaan lanjut.

**Sumber:**

**DR. MOHD HISHAM BIN MOHD ANIP**

**Ketua Pengarah**

**Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)**

**Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam**

**25 Mac 2026, 11:00 pagi**



MEDIA SOSIAL  
RASMI



metmalaysia

MET malaysia

myCuaca

RakanMET

metmalaysia

malaysiamet

www.met.gov.my